

15/01/1998

JKP jaring perangkap bilis, jerung rasuah

Kamal Ahmad

PASTI ada yang resah gelisah dan gelabah apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amaran Badan Pencegah Rasuah (BPR) kini ada lebih banyak kuasa untuk bertindak terutama terhadap pihak yang mempunyai harta yang tidak boleh dijelaskan puncanya.

Melalui Akta Pencegahan Rasuah 1997 yang berkuatkuasa 8 Januari lalu, mereka boleh menggeledah, memintas panggilan telefon dan menyiasat salinan akaun bank serta mengenakan hukuman lebih berat terhadap yang sabit kesalahan rasuah.

Kemudian kenyataan itu dikait, diperjelas dan diperkukuh melalui Arahan YAB Perdana Menteri No 1 Tahun 1998 mengenai Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan Pentadbiran Kerajaan di Peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah, pada tarikh yang sama.

Arahan itu antara lain menyebut mengenai tugas pegawai Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) mengenal pasti dan peka kepada simptom kemungkinan wujud rasuah dan penyelewengan. Ia adalah tanggungjawab yang 'menarik' kepada pegawai Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP).

Enam simptom itu ialah:

- * Tabiat hidup mewah, termasuk memiliki barang kemas dan perhiasan secara berlebihan, mempunyai kereta mewah dan sering melancong ke luar negeri;
- * Kerap bekerja berseorangan di kawasan sulit pada waktu rehat atau pada luar waktu pejabat.
- * Tidak konsisten dan produktif;
- * Terbabit dalam urusan lain dalam jabatan secara berlebihan tanpa kaitan dan arahan;
- * Membuat panggilan telefon yang panjang dan penuh kerahsiaan;
- * Terbabit dalam perjudian, berfoya-foya dan kerap mengunjungi pusat hiburan.

Enam simptom ini memang ada dalam perkhidmatan awam. Asal-usulnya harta dan kemewahan mereka hanya Allah yang tahu. Tetapi jika rumah melebihi saiz dan kemewahan istana manakala lebih dua kereta tersadai di garaj sedangkan dia seorang pegawai biasa, tentu JKP kali ini berhak mempersoalkan punca wang untuk membeli kemewahan itu.

Bagaimanapun, kurang pasti sama ada arahan mengenai JKP ini membabitkan anak syarikat kerajaan dan perbadanan kerana banyak pihak yang curiga dengan ketelusan kewangan dan peribadi pegawainya.

JKP diawasi oleh Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan mempunyai 18 anggota termasuk tujuh menteri. Barisan ini mempamerkan keupayaan pemantauan dan tindakan kerana ia menjangkau semua bidang dan peringkat perkhidmatan.

Objektif JKP untuk mewujudkan pentadbiran kerajaan dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta mempunyai integriti yang paling tinggi dengan mempertingkatkan amalan nilai-nilai murni. Selain itu, JKP berusaha mengatasi masalah dan kelemahan terutama dalam pengurusan kewangan kerajaan, pentadbiran awam, pengendalian kes tatatertib, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.

Ini kerana sudah ada simptom menunjukkan unsur rasuah, pilih kasih dan penyelewengan menular dalam sektor awam, politik, perniagaan dan sukan di negara ini.

JKP ditubuhkan di peringkat kementerian, jabatan, agensi, kerajaan

negeri dan daerah. Malah Jabatan Kerja Raya Daerah contohnya perlu ada JKP bagi memastikan operasi pentadbiran dan pengurusan di peringkat terbawah itu bebas daripada rasuah, pilih kasih dan penyelewengan.

Kawalan dan pemantauan dalam semua aspek sangat berkesan untuk membanteras rasuah. Ini termasuk:

- * Mewujud atau memperkemas sistem kawal selia urusan penting yang membabitkan kepentingan awam, kewangan, perolehan, penguatkuasaan dan pembangunan. Semua bahagian ini menyediakan mampu memberi ruang dan kecenderungan kepada kakitangan untuk menerima rasuah, menyeleweng dan menyalahgunakan kuasa;

- * Mempercepatkan tempoh untuk meluluskan sesuatu permohonan. Ini perlu diberi perhatian kerana rasuah mungkin mula diamalkan secara tidak sengaja. Kerana urusan terlambat, pelanggan mungkin menghulur sesuatu untuk mempercepatkannya. Kemudian urusan sengaja dilambatkan untuk mendapatkan habuan daripada pelanggan. Kemudian amalan ini menjadi biasa dan segala urusan akan memerlukan habuan;

- * Menurunkan kuasa bagi mengatasi kelewatan dan mengurangkan beban kerja di peringkat pengurusan kanan dan tertinggi perlu dilakukan;

- * Membuat penukaran yang lebih kerap di kalangan pegawai yang bertugas di bahagian yang terdedah kepada risiko rasuah dan penyelewengan;

- * Jabatan harus mempertingkatkan ketelusan mengenai dasar, melayan semua aduan serta mewujudkan prosedur kawalan terhadap penggunaan sumber;

- * Menggubal atau memperkemas kod etika kerja jabatan sebagai garis panduan kepada kakitangan selain menggubal Piagam Pelanggan bagi membolehkan kakitangan komited dengan tugas serta mendedahkan tanggungjawab serta tugas mereka kepada orang ramai;

- * Kakitangan juga perlu diberi pengiktirafan untuk kecemerlangan perkhidmatannya selain keupayaan mempamerkan nilai murni melalui kegiatan sukarela. Nasihat, kaunseling, motivasi dan bimbingan agama juga perlu diadakan dari semasa ke semasa bagi memastikan tahap kesedaran berada pada paras yang tinggi;

- * Dari aspek perundangan, pihak bertanggungjawab harus mengenal pasti, mengkaji dan memperaku pindaan kepada mana-mana akta dan peraturan jabatan bagi mengatasi kelemahan pengurusan, mempertingkatkan kawalan terhadap perlakuan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

Rasuah kini menjadi gejala yang semakin serius. Jika tidak dibanteras ia boleh menggugat keselamatan awam. Ia perlu ditangani secara menyeluruh, bersepadu dan terancang serta merangkumi bukan saja aspek pencegahan rasuah tetapi juga kecekapan, ketelusan, integriti dan akauntabiliti dalam pentadbiran kerajaan. Oleh itu, JKP adalah jawapan bagi maksud bentuk tindakan itu.

Kesejahteraan dan kebahagiaan rakyat perlu dipelihara daripada digugat oleh pemimpin dan pentadbir negara yang rasuah. Mereka harus dilindungi daripada kesan buruk rasuah yang boleh dianggap sebagai penindasan sosial. Negara juga perlu diselamatkan daripada menjadi goncang dek kemarahan rakyat terhadap pemerintah jika rasuah bermaharajalela.

Oleh itu, penubuhan JKP adalah langkah mewujudkan jaring yang halus matanya untuk memerangkap ikan bilis apatah lagi jerung yang terbabit dengan rasuah, penyalahgunaan kuasa serta penyelewengan dalam perkhidmatan awam. Kini, semakin sukar untuk seseorang mengambil sogokan kecuai kegiatannya 'dilindungi oleh pagar yang makan padi'.

(END)